

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

PRAPENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012
BAHASA MELAYU

02/1

Kertas 1
Ogos 2012

1 Jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.


Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Peserta dari sekolah kami memenangi acara _____ lembing peringkat Daerah Seremban.
 - A merejam
 - B melontar
 - C melempar
 - D membaling

- 2 Perlawanan bola tampar antara pasukan Melur dan pasukan Teratai itu terpaksa _____ kerana hujan turun dengan lebatnya.
 - A digantung
 - B dihabiskan
 - C disudahkan
 - D ditangguhkan


Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Ibu akan memastikan air yang dimasak _____ untuk dibuat kopi.
- A menggelombang
B menggelegak
C mengeletar
D membukak
- 4 Kanak-kanak itu gagal diselamatkan ketika dihanyutkan _____ sungai yang deras dalam kemalangan yang menyayat hati itu.
- A arus
B kitaran
C putaran
D gelombang
- 5 Seorang lelaki telah dijumpai _____ di tepi pantai oleh sekumpulan pengakap yang sedang berkhemah di situ.
- A terpapar
B terlantar
C terdampar
D terhampar

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah



- 6 _____ yang bergemuruh telah diberikan oleh murid-murid setelah mereka mendengar ceramah yang disampaikan oleh novelis terkenal itu.
- A Teriakan
B Tepukan
C Laungan
D Jeritan
- 7 Buku yang ditulis dalam _____ itu, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.
- A dwibahasa
B ekabahasa
C interbahasa
D pancabahasa

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Tujuan Tuan Pengetua sekolah tersebut mengadakan mesyuarat guru itu ialah
A untuk membincangkan masalah disiplin murid yang semakin merosot.
B C
Tiada Kesalahan.
D

9 Cat dinding di bahagian luar rumahnya berwarna biru manakala di bahagian
A dalam rumah pula berwarna kuning. Tiada Kesalahan.
B C D

10 Puan Roziana telah membeli beberapa buku serbuk pencuci untuk dibawa
A ke rumah baharu yang baru dibelinya. Tiada Kesalahan.
B C D

11 Penagih dadah tersebut telah lari riuh-rendah apabila ternampak kereta peronda
A polis datang menghampiri kawasan mereka. Tiada kesalahan.
B C D

12 Semasa di kedai, Ramona telah memilih beberapa helai baju lalu mengasingkan
A mana-mana baju yang akan dibelinya. Tiada kesalahan.
B C D

13 Pihak kerajaan telah berusaha memperlebar jalan raya di kawasan bandar
A di negara kita bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Tiada kesalahan.
B C D

14 Pakaian yang lusoh itu telah disimpan oleh ibu di dalam almari lamanya kerana
A sempit dan tidak sesuai digunakan lagi. Tiada kesalahan.
B C D

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15** I Pakcik Raman berasa selesa apabila duduk di kerusi yang *enak* ini.
II Nasi lemak yang dijual di kantin sekolah sangat *enak* rasanya.
III Sejak semalam badannya berasa tidak *enak* kerana diserang demam.
IV Gurunya memerhatikan muka mereka dengan pandangan yang kurang *enak*.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16** I Amin berasa tertekan kerana *bertimbun-timbun* penyakit menimpa dirinya.
II Kesesakan berlaku akibat *bertimbun-timbun* kereta menggunakan lebuh raya.
III Buku yang *bertimbun-timbun* ini akan dihadiahkan kepada perpustakaan desa.
IV Sabut yang *bertimbun-timbun* di bawah rumah itu telah dibakar oleh ibu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17** I Kakak *menampung* kain batik yang koyak itu dengan kain perca.
II Baldi itu digunakan untuk *menampung* air hujan.
III Sekolah ini mampu *menampung* seribu orang pelajar.
IV Emak *menampung* seguni beras dari kedai.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

- 18** Disebabkan sering dibuli oleh rakan-rakannya, dia terpaksa berjumpa guru disiplin untuk mengadukan hal tersebut.
- A** berjumpa dengan guru disiplin
B berjumpa akan guru disiplin
C jumpa guru disiplin
D berjumpa guru disiplin
- 19** Cadangan ini saya akan panjangkan kepada pihak atasan pada minggu hadapan.
- A** akan saya memanjangkan
B saya akan dipanjangkan
C akan saya panjangkan
D saya akan panjangkan
- 20** Generasi muda sewajarnya tidak mudah terpengaruh dengan unsur fitnah kerana akan memecah belahkan perpaduan negara.
- A** akan pecahbelahkan perpaduan negara.
B akan memecahbelahkan perpaduan negara.
C memecah belahkan akan perpaduan negara.
D akan memecah belahkan perpaduan negara.
- 21** Sayur-sayuran yang dijual di pasar tani itu kelihatan sangat segar-bugar.
- A** sangat segar.
B segar-bugar sangat.
C segar-segar sangat.
D sangat segar-bugar.

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 Sikap berhati-hati perlu diutamakan oleh penunggang-penunggang motosikal ketika berada di jalan raya.**
- A Penunggang-penunggang motosikal mestilah berhemat di jalan raya bagi mengelakkan kemalangan.
 - B Para penunggang motosikal haruslah berhati-hati jika ingin menunggang di jalan-jalan utama.
 - C Semasa berada di jalan raya penunggang-penunggang motosikal harus lebih berhati-hati.
 - D Utamakanlah keselamatan diri dan berhati-hatilah ketika menunggang motosikal di jalan raya.
- 23 Spesies flora dan fauna semakin pupus akibat penebangan hutan yang berleluasa di negara kita.**
- A Spesies flora dan fauna sudah pupus disebabkan berleluasanya penebangan pokok di negara kita.
 - B Di negara kita penebangan hutan yang berleluasa telah menyebabkan kepupusan spesies flora dan fauna.
 - C Di negara kita telah berlaku penebangan hutan maka secara berleluasa berlakulah kepupusan flora dan fauna.
 - D Penebangan hutan di negara kita membawa impak kepada kekurangan spesies flora dan fauna secara berleluasa.
- 24 Kehalus dan keindahan batik Malaysia yang menjadi lambang daya kreativiti masyarakat di negara ini berjaya menarik perhatian para pelancong.**
- A Batik Malaysia yang melambangkan kreativiti masyarakat telah mampu memberi perhatian para pelancong akan kehalus dan keindahannya.
 - B Batik Malaysia yang melambangkan identiti masyarakat Malaysia yang halus dan indah kini mampu menarik minat para pelancong.
 - C Para pelancong tertarik dengan kehalus dan keindahan batik Malaysia yang melambangkan daya kreativiti masyarakat di negara ini.
 - D Masyarakat di Malaysia telah berusaha menarik perhatian para pelancong dengan menghasilkan batik yang halus dan indah buatannya.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.


- 25** I Anak-anak perlulah menghargai pengorbanan ibu-bapa mereka.
II Kenaikan harga petrol akan menyebabkan kenaikan harga barang.
III Hubungan yang sejati akan lahir daripada pemupukan kasih sayang yang ikhlas dan jujur.
IV Berpuluhan-puluhan hektar hutan telah musnah akibat kebakaran yang melanda kawasan tersebut.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 26** I Maharaja itu menganggap dirinya mahabesar di dunia ini.
II Pengubah suaian dasar yang sedia ada mendatangkan kebaikan kepada syarikat tersebut.
III Semua wakil yang hadir dalam mesyuarat telah menandatangani surat perakuan itu.
IV Pelancong lebih gemar berkunjung ke pulau-pulau yang cantik di persisiran pantai Malaysia.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 27 I Sebelum meninggalkan rumah, Kannan terpaksa mengecaj bateri telefon bimbitnya.
- II Untuk mengatasi masalah banjir kilat, semua longkang di taman perumahan itu perlu diperdalam.
- III Dia terlewat sampai di rumah kerana terpaksa singgah di Aman Klinik untuk mendapatkan rawatan.
- IV Antara masalah-masalah kesihatan yang hadapi oleh masyarakat ialah obesiti.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

Soalan 28 berdasarkan gambar di bawah



- 28 Peribahasa *tiada beban batu digalas* bermaksud
- A menolong orang yang tidak tahu membala budi.
- B sengaja mencari masalah yang menyusahkan diri sendiri.
- C hanya beringat-ingat setelah mendapat sesuatu kemalangan.
- D mencari keuntungan dengan berbuat baik antara dua orang yang berseteru.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 29 berdasarkan gambar di bawah.



Pelawat A : Ukiran seni bangunan Istana Seri Menanti ini masih lagi elok walaupun telah dihasilkan beratus-ratus tahun dahulu.

Pelawat B : Ya, malah rekaan seni binanya melambangkan ciri-ciri budaya masyarakat Minangkabau.

29 Peribahasa yang sesuai dengan dialog di atas ialah

- A hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- B tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.
- C tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- D rumah siap pahat berbunyi.

30 Semasa hidupnya susah dahulu banyak keinginannya yang tidak tercapai. Kini, setelah suaminya bergelar jutawan semua keinginan Salmah seperti pakaian dan barang kemas dengan mudah diperolehnya.

Peribahasa yang sesuai menggambarkan keadaan di atas ialah

- A biduk lalu, kiambang bertaut.
- B di mana ada kemahanan, di situ ada jalan.
- C diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
- D ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 31-35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelahiran adik bagai azimat mujarab yang mengubati sengsara bonda. Pendek kata, adik ibarat penyelamat kekuatan bonda. Namun, satu-satunya teruna yang disangka dapat dijadikan sandaran keluarga telah menghempap batang hidung kami sendiri.

Sejak dimasukkan ke alam persekolahan, awal-awal lagi sudah terserlah kemalasan dan ketidaksungguhan adik terhadap ilmu. Adik akan mengamuk kalau permintaannya diabaikan. Kalau mengamuk, habis barang dalam rumah dibalingnya. Berpantul-pantul kalimah mengarut keluar daripada mulut mongelnya. Saya tahu, kerana terlebih berkawanlah adik terlebih cekap menyumpah. Berang adik hanya akan reda tatkala kehendaknya dituruti.

Pernah ketika adik berusia sembilan tahun barannya cukup melampau. Adik meminta RM 5.00 daripada bonda untuk membeli mercun. Apabila bonda enggan memberikannya, tidak fasal-fasal adik menghempas cawan kaca, lalu serpihannya terkena ibu jari kaki bonda. Darah meluncur daripada ibu jari kaki bonda yang terluka. Namun, keinsafan adik tidak juga terjelma di hatinya. Diambilnya duit dari dompet bonda dan terus keluar. Ya Allah...betapa geramnya saya.

Bonda hanya menangis. Kadang-kadang bonda akan menyalahkan diri sendiri. "Bonda yang berdosa kerana tak pandai ajar anak."

Saya tidak suka dengan kelembutan bonda terhadap adik. Walaupun adik sudah hilang rasa hormat, bonda masih berlembut dan tidak jemu-jemu menasihatinya. Memang dari kecil adik tidak pernah dicubit, tidak pernah ditengking, apatah lagi dirotan. Oleh sebab itu, perangainya begitu nakal.

Daripada belajar di taski hingga ke darjah enam, adik didukung di belakang bonda untuk menuruni dari satu anak tangga ke satu anak tangga. Maklumlah, rumah dua tingkat. Bayangkanlah, sudah berusia 12 tahun pun, bonda masih mendukungnya! Boleh terpatah dua batang tulang belakang bonda itu. Tetapi, kalau tidak dibuat begitu, alamat berjam-jamlah adik akan mengesot dengan mata terpejam.

(Dipetik daripada cerpen, *Mutiara Bonda*,
antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31 Bagi 'saya', tindakan adik suka mengeluarkan kata-kata kesat kerana

- A adik tidak dididik dengan baik oleh bonda.
- B adik terpengaruh oleh kawannya.
- C adik selalu dimanja oleh bonda.
- D adik ingin membala dendam.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

32 Berikut ialah sikap buruk adik dalam petikan **kecuali**

- A tidak dapat mengawal diri.
- B tidak menghormati orang tua.
- C suka mencederakan orang lain.
- D tidak mementingkan pelajaran.

33 Apakah teknik penceritaan yang digunakan dalam perenggan ketiga petikan di atas?

- A Teknik kejutan.
- B Teknik saspens.
- C Teknik imbas muka.
- D Teknik imbas kembali.

34 Berdasarkan petikan, apakah nilai murni yang terdapat pada 'saya'?

- A Mementingkan ilmu.
- B Kasih sayang.
- C Berdikari.
- D Prihatin.

35 Berdasarkan cerpen, adik mulai berubah dan menginsafi kesalahannya setelah

- A rakan-rakannya ditangkap polis.
- B dinasihati oleh kakaknya.
- C dia ditangkap polis.
- D dirotan oleh bonda.

Soalan 36-40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Burung-Burung Pagi

Kau telah bangun
Mengirai sayapmu
Entah siul keberapa kaunyanyikan
Membuka mataku

Aku bangun
Masih kuap sekali di pintu
Dan setompok cahaya matahari di dadaku
Kerjaku sudah menanti

Kulihat kau mematuk pasir pertama
Melintas *kota tandus* dari pepohon
Apakah ada ulat-ulat lemak bagimu
Atau secebis roti busuk
Dan remah anak-anak sekolah
Rezekimu
Bagiku kota ini terlalu sempit bagimu

Tapi kau yang hanya
Sejemput daging
Begitu yakin dengan
Sayapmu yang kecil

(1989)
A.WAHAB ALI

(Dipetik daripada antologi
Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

36 Apakah sifat burung yang boleh dicontohi berdasarkan puisi di atas?

- A** Boleh menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.
- B** Pasrah menerima kekurangan diri.
- C** Sentiasa gembira dan bernyanyi.
- D** Yakin dengan kemampuan diri.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 37 Mengapakah penyajak mengatakan bahawa kota ini terlalu sempit untuk burung pagi?
- A Kerana terlalu banyak godaan di kota.
B Kerana banyak tumbuhan hijau telah layu.
C Kerana sukar untuk mendapatkan sumber rezekinya.
D Kerana burung pagi bebas terbang ke mana-mana sahaja.
- 38 Frasa *kulihat kau mematuk pasir pertama* merupakan unsur gaya bahasa
- A inversi.
B sinkope.
C metafora.
D personifikasi.
- 39 Pengajaran yang terdapat dalam puisi ini ialah
- A kita hendaklah memulakan pagi dalam keadaan yang ceria.
B kita hendaklah gigih berusaha untuk mendapatkan rezeki.
C kita hendaklah membersihkan kota daripada kekotoran.
D kita haruslah menyayangi burung.
- 40 Nada bagi puisi di atas ialah
- A sinis.
B protes.
C romantis.
D melankolik.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

PRAPENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012

02/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos 2012

2 Jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.***
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii).** Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. **Bahagian B** dan **Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A(i) : Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang peranan remaja dalam kejiranan. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Masyarakat bermula daripada jiran. Jiran pula terdiri daripada semua lapisan umur termasuk remaja. Dalam hal ini, remaja ada peranannya yang tersendiri. Konsep kejiranan serta persaudaraan cukup menarik dan mesti dikekalkan oleh masyarakat, khasnya golongan remaja.

Remaja boleh mengaktifkan diri melalui persatuan masyarakat seperti Rukun Tetangga (RT). Kini, aktiviti RT semakin meluas fungsinya seperti aktiviti pendidikan, sukan, keagamaan, rekreasi, dan kesihatan. Remaja boleh terlibat dengan aktif. Melalui persaudaraan dan semangat kejiranan dapat mewujudkan rasa kasih sayang, bantu-membantu dan kekuatan dalam kalangan rakyat. Malah, melalui suara kolektif remaja dapat saling membantu, mengingatkan dan menegur sesuatu yang tidak kena dalam masyarakat. Semangat kejiranan dan persaudaraan yang akrab juga dapat menghilangkan perasaan iri hati, dengki, bermusuh-musuhan dan sifat negatif lain yang membawa perpecahan.

Jiran yang sepakat dan bersatu padu mampu menjamin keselamatan kawasan setempat daripada ancaman luar. Semuanya dapat dibendung jika jiran memainkan peranan masing-masing dan remaja boleh mengambil inisiatif dengan melaporkannya kepada pihak berwajib setiap kali menyedari berlakunya perkara yang meragukan. Sesungguhnya, remaja boleh bekerjasama dengan media massa untuk menyemarakkan semangat kejiranan. Misalnya, dengan memaparkan rencana yang menekankan peri pentingnya semangat kejiranan dan perpaduan. Selain itu, remaja boleh berinteraksi dengan ibu bapa untuk memastikan kejiranan golongan remaja sentiasa kondusif dan baik.

Mereka juga perlu berbincang dan bersepakat dalam melaksanakan program yang bersesuaian agar matlamat yang satu dapat dicapai. Hal ini demikian kerana semangat kejiranan mampu mengekalkan keamanan, keselamatan dan ketenteraman. Remaja mesti menjadikan agama sebagai pegangan utama agar lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri, kejiranan dan negara.

Remaja perlu mempunyai daya tahan dari segi fizikal dan mental agar dapat membentuk kejiranan yang *kental dan utuh*. Elemen jati diri dan kawalan diri yang kukuh dapat mengawal perasaan dan emosi daripada terjerumus ke lembah yang hina. Segala usaha untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sentiasalah beringat bahawa tiada gunung yang tidak dapat didaki, tiada lurah yang tidak dapat dituruni.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana ‘Hidup Berjiran Muafakat Masyarakat’,
Juliana Mansor, Dewan Siswa Mac 2011)

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Bahagian A(ii) - Pemahaman

[10 markah]

*Berdasarkan petikan **Bahagian A (i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*


- 1 Berikan maksud rangkai kata *kental dan utuh*. [2 markah]
- 2 Berdasarkan petikan, nyatakan kesan jika jiran hidup bersatu padu. [4 markah]
- 3 Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku jika jiran mempunyai sikap mementingkan diri sendiri sahaja? [4 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang peranan pelbagai pihak untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Bahagian C

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Kelas anda telah memenangi pertandingan keceriaan kelas.
Tuliskan pengalaman anda dan rakan-rakan menceriakan kelas.
- 2 Anda selaku pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diundang ke sebuah sekolah untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk ‘Pembentukan tingkah laku dan keperibadian anak-anak bermula dari rumah’.
Tulis ceramah tersebut selengkapnya.
- 3 Masalah ponteng sekolah begitu berleluasa di sekolah anda.
Anda ingin mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah tersebut kepada pengetua.
Tulis surat itu selengkapnya.
- 4 Penggunaan internet secara meluas banyak memberikan manfaat kepada masyarakat.
Bincangkan pernyataan di atas.
- 5 ... Akhirnya, Danial yang lemah dalam pelajaran dan sering kali gagal dalam peperiksaan berjaya mendapat keputusan yang cemerlang setelah berusaha bersungguh-sungguh. Baru kini dia sedar akan kebenaran kata-kata gurunya bahawa belakang parang kalau diasah lagikan tajam.
Tulis cerita yang berakhir dengan perenggan di atas.

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **ketiga-tiga** novel yang telah anda kaji dalam tingkatan 1, 2 dan 3.

- (i) **Sukar Membawa Tuah**, karya M.Z. Erlysha
- (ii) **Wira Persona Avatari**, karya Ahmad Zaki Abu Bakar
- (iii) **Merenang Gelora**, karya Ruslan Ngah

Ketabahan dalam menghadapi dugaan dan cabaran

Huraikan **tiga** contoh peristiwa berkaitan persoalan di atas, iaitu **satu** contoh peristiwa daripada **setiap** novel.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PRA PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012
BAHASA MELAYU
Ogos 2012**

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 DAN KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA JAWAPAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1 (02/1)**

No. Soalan	Jawapan
1	A
2	D
3	B
4	A
5	C
6	B
7	A
8	B
9	D
10	A
11	A
12	D
13	C
14	A
15	D
16	B
17	C
18	A
19	C
20	B

No. Soalan	Jawapan
21	A
22	C
23	B
24	C
25	D
26	B
27	A
28	B
29	C
30	D
31	B
32	C
33	D
34	D
35	A
36	D
37	C
38	B
39	B
40	A

**SKEMA JAWAPAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 (02/2)**

Bahagian A(i) : 20 markah

Panduan

- Penandaan bahasa adalah mengikut cara penandaan karangan
- Bahasa dinilai secara tanggapan / impression
- Pemeringkatan markah berdasarkan panduan di bawah:

Markah Bahasa (10 markah)

Markah	9 – 10 Cemerlang	6 – 8 Baik	3 – 5 Memuaskan	1 – 2 Penguasaan Minimum
Huraian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa - baik dan lancar ▪ Ayat - gramatis ▪ Diksi - tepat ▪ Penanda wacana - sesuai ▪ Ejaan / tanda baca betul ▪ Mampu menggunakan ayat sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa - baik dan lancar ▪ Ayat - masih gramatis ▪ Diksi - agak terhad ▪ Penanda wacana - masih sesuai ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa - kurang lancar ▪ Ayat - terdapat kesalahan ejaan / tanda baca yang ketara ▪ Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah ▪ Menyalin terus daripada petikan

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	5	4	3	2	1
Markah	9 – 10	7 – 8	5 - 6	3 - 4	1 – 2

Garis Panduan Pemeriksa

1. Baca dan periksa setakat 80 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Jika calon menulis dalam bentuk perenggan, periksa seperti biasa.
3. Walaupun isi kurang, bahasa dinilai seperti biasa (markah bahasa boleh melebihi markah isi).
4. Jika calon menulis dalam bentuk catatan(poin), berikan markah penuh untuk isi, tetapi markah maksimum untuk bahasa ialah 6.
5. Jika semua isi disalin secara terpilih daripada petikan tanpa membuat apa-apa pindaan, markah isi seperti biasa, tetapi markah maksimum untuk bahasa ialah 5.
6. Jika calon menyalin isi secara terpilih dan dibuat dalam bentuk catatan (poin), markah isi adalah seperti biasa, tetapi markah maksimum untuk bahasa ialah 4.
7. Jika calon menyalin petikan bulat-bulat, markah isi hendaklah ditolak 50% dan markah maksimum untuk bahasa ialah 2 sahaja.
8. Penandaan adalah mengikut cara memeriksa karangan Bahagian C, tetapi tiada potongan markah bagi kesalahan ejaan.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Cadangan isi

Soalan Bahagian A(i) – Ringkasan

1. Remaja boleh mengaktifkan diri melalui persatuan masyarakat
2. Melalui suara kolektif remaja dapat saling membantu, mengingatkan dan menegur sesuatu yang tidak kena dalam masyarakat.
3. Remaja boleh mengambil inisiatif dengan melaporkannya kepada pihak berwajib setiap kali menyedari berlakunya perkara yang meragukan.
4. Remaja boleh bekerjasama dengan media massa untuk menyemarakkan semangat kejiranan.
5. Remaja boleh berinteraksi dengan ibu bapa untuk memastikan kejiranan golongan remaja sentiasa kondusif dan baik.
6. Mereka juga perlu berbincang dan bersepakat dalam melaksanakan program yang bersesuaian.
7. Remaja mesti menjadikan agama sebagai pegangan utama
8. Remaja perlu mempunyai daya tahan dari segi fizikal dan mental

Bahagian A (ii) : Soalan Pemahaman

Soalan 1: (2 markah)

Maksud frasa di atas ... kukuh/kuat/ teguh/ dan lengkap/sempurna/tidak rosak

- Beri 2 markah jika maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis.
- Beri 1 markah jika maksud tepat tetapi ayat tidak lengkap.
- Beri 1 markah jika maksud kurang tepat mengikut konteks.
- Beri 1 markah jika hanya memberikan sebahagian maksud rangkai kata.

Soalan 2: (4 markah)

- Melalui persaudaraan dan semangat kejiranan dapat mewujudkan rasa kasih sayang dan bantu-membantu dan kekuatan dalam kalangan rakyat.
- dapat menghilangkan perasaan iri hati, dengki, bermusuhan-musuhan dan sifat negatif lain yang membawa perpecahan.
- menjamin keselamatan kawasan setempat daripada ancaman luar.
- mampu mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

[Pilih mana-mana **dua** isi – maksimum 4 markah]

- Beri 4 markah jika isi cukup dan ayat gramatis(dua isi)
- Beri 3 markah jika isi cukup, tetapi ayat kurang gramatis(dua isi)
- Beri 2 markah jika isi tidak cukup, tetapi ayat gramatis
- Beri 1 markah jika isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis

Soalan 3: (4 markah)

- Masyarakat tidak bersatu padu
- Masyarakat akan berpecah-belah
- Pembangunan setempat tidak dapat dijalankan
- Keselamatan setempat tidak terjamin

[Pilih mana-mana **dua** isi – maksimum 4 markah]

(Pilih mana-mana tiga jawapan: Terima isi-isi lain yang sesuai)

- Beri 4 markah jika isi cukup dan ayat gramatis(dua isi)
- Beri 3 markah jika isi cukup, tetapi ayat kurang gramatis(dua isi)
- Beri 2 markah jika tidak cukup, tetapi ayat gramatis
- Beri 1 markah jika isi kurang cukup dan ayat kurang gramatis
- Beri 0 markah jika isi tidak cukup dan ayat tidak gramatis

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Bahagian B: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(20 markah)

1. Periksa sehingga 120 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Sekurang-kurangnya **3 idea yang ada dalam bahan rangsangan atau 2 idea dalam bahan rangsangan dan 1 idea luar.**
3. Jika calon menggunakan sebahagian isi sahaja (2 isi) beri peringkat baik sahaja, tetapi jika bahasanya sangat baik, boleh beri peringkat cemerlang bawah.
4. Jika calon tidak menjawab tugasan (penguasaan minimum), tetapi bahasanya sangat cemerlang, boleh diberi peringkat memuaskan bawah.

Peringkat Pencapaian	Kriteria
Cemerlang A - 16-20 A1 – 18 – 20 A2 – 16 – 17	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan kata dan ayat gramatis. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Penggunaan ejaan dan tanda baca betul. - Terdapat kesalahan yang kecil dalam penggunaan kata. - Idea tepat berdasarkan tugasan. - Huraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai serta berkembang. - Pengolahan menarik dan berkesan.
Baik B – 11 -15 B1 – 13 –15 B2 – 11 –12	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. - Kesalahan minimum dalam penggunaan kata, frasa dan ayat. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang kecil - Idea relevan berdasarkan tugasan. - Huraian isi luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan kurang dikembangkan. - Pengolahan masih menarik.
Memuaskan C – 06 -10 C1 – 08 – 10 C2 – 06 – 07	<ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Penggunaan kata dan kosa kata terhad. - Terdapat kesalahan penggunaan kata yang ketara. - Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara. - Idea yang relevan berdasarkan tugasan. Huraian isi luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan terhad. - Pengolahan tidak menarik
Penguasaan Minimum 01 -05	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap. - Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugasan.

**Bahagian C: Karangan Respons Terbuka
(40 markah)**

Garis panduan pemeriksaan:

- a) Pemeriksaan dijalankan secara **IMPRESSION**
- b) Isi : Dikehendaki minimum **tiga** isi.

Langkah-langkah pemeriksaan:

- a) Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan atau ‘impression’ daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa pemeriksaan ialah **menjawab tugas, bahasa, kerelevan idea dan pengolahan**. Kemudian, nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
- b) Baca karangan sekali lagi untuk pertimbangan yang muktamad. Sambil membaca, tandakan **kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta** seperti yang berikut:

_____	Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
○	Kesalahan tanda baca
()	Kesalahan isi / fakta

- (c) $\frac{1}{2}$ markah dipotong bagi setiap kesalahan ejaan. Maksimum 2 markah dipotong.
- (d) Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian C : Karangan respons terbuka (40 markah)

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	33 - 40
Kepujian	25 - 32
Baik	17 - 24
Memuaskan	09 - 16
Penguasaan Minimum	01 - 08

KRITERIA MENILAI KEMAHIRAN MENULIS

ASPEK	KRITERIA
BAHASA	Kegramatisan : Kata (Morfologi) Ayat (Sintaksis) Ejaan dan tanda baca betul Kosa kata luas dan tepat
IDEA	Isi-isi sesuai Huraian jelas Contoh yang sesuai
PENGOLAHAN	Pengolahan menepati menarik dan berkesan Pemerengganan sesuai Format menepati tugas Unsur keindahan bahasa (pantun dan peribahasa)

Kriteria Penskoran

Peringkat Pencapaian	Deskripsi
Cemerlang A - 33-40 A1 – 37 – 40 A2 – 33 – 36	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang betul - Penggunaan ejaan dan tanda baca betul. - Penggunaan kosa kata luas. - Idea relevan dengan huraihan yang jelas berserta contoh yang sesuai. - Pengolahan menarik serta berkesan, pemerengganan sesuai dan format menepati kehendak tugas. - Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
Kepujian B – 25 -32 B1 – 29 –32 B2 – 25 –28	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang betul. - Penggunaan ejaan dan tanda baca betul. - Penggunaan kosa kata luas. - Idea relevan, huraihan jelas beserta contoh. - Pengolahan menarik, pemerengganan sesuai dan format menepati kehendak tugas. - Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
Baik C – 17 -24 C1 – 21 – 24 C2 – 17 – 20	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan ayat majmuk gabungan gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang betul. - Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan ejaan dan tanda baca. - Penggunaan kosa kata umum dan terdapat kesalahan yang minimum. - Idea masih relevan dan huraihan masih jelas. - Pengolahan masih menarik, pemerengganan masih sesuai dan format sesuai mengikut tugas.
Memuaskan D – 09 – 16 D1 – 13 – 16 D2 – 09 – 12	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan ayat mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang betul. - Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan ejaan dan tanda baca. - Idea masih relevan /idea bercampur aduk tetapi huraihan tidak jelas. - Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai dan format kurang tepat.
Penguasaan Minimum 01 -08	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan menunjukkan penguasaan bahasa yang tidak cekap - Tidak menjawab tugas / soalan

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

SKEMA KARANGAN

Soalan 1

- a. Format : Tiada
- b. Calon boleh mengemukakan **pengalaman** berikut:
 1. Menubuhkan jawatankuasa keceriaan
 2. Mengecat dinding kelas
 3. Menghias dan melengkapkan papan kenyataan
 4. Mengadakan sudut bacaan
 5. Menyediakan jadual dan carta kelas
- c. Calon boleh mengemukakan isi-isi lain yang difikirkan sesuai.

Soalan 2

- a. Format : Ceramah
- b. Calon boleh menghuraikan peranan keluarga dalam membentuk tingkah laku dan peribadi anak-anak:
 1. Memberi kasih sayang
 2. Menjadi suri teladan
 3. Memupuk nilai-nilai murni
 4. Tegas mendisiplinkan anak-anak
 5. Memberikan didikan agama
- c. Calon boleh mengemukakan isi-isi lain yang difikirkan sesuai.

Soalan 3

- a. Format : Surat Rasmi
- b. Calon boleh mengemukakan cadangan berikut:
 1. Guru sentiasa memberi motivasi kepada pelajar
 2. Berbincang dengan ibu bapa / penjaga
 3. Kaedah P&P yang menarik
 4. Pengawas atau rakan-rakan melaporkan masalah ponteng
 5. Guru memberikan perhatian atau bantuan yang sewajarnya
 6. Memberi bimbingan dan kaunseling secara berterusan
 7. Peranan rakan sebaya
- c. Calon boleh mengemukakan isi-isi lain yang difikirkan sesuai.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 4

- a. Format – Tiada
- b. Diharapkan calon boleh menghuraikan manfaat / keburukan penggunaan internet
 - 1. Menambah pengetahuan
 - 2. Menambah pendapatan
 - 3. Mudah membuat rujukan
 - 4. Mendapat maklumat dengan cepat
 - 5. Komunikasi tanpa sempadan
 - 6. Menambah kenalan
- c. Keburukan
 - 1. Pengaruh negatif-porno
 - 2. Membazir masa
 - 3. Penipuan
- c. Calon boleh juga mengemukakan isi-isi lain yang difikirkan sesuai.
Calon boleh membincangkan pro atau kontra atau kedua-duanya sekali

Soalan 5

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan calon boleh menulis cerita yang berkaitan dengan peribahasa yang terdapat dalam petikan.

Bahagian D: Kajian Novel (10 markah)

Jawapan mestilah berdasarkan novel Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3.

Markah:

Isi : **6 markah**
Bahasa : **4 markah**

Markah Isi

- 1. Contoh beserta huraian yang tepat dan lengkap - 2 markah
- 2. Contoh beserta huraian yang tidak lengkap - 1 markah
- 3. Contoh beserta huraian yang tidak tepat - 0 markah

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Markah Bahasa

Markah	04 Cemerlang	02 – 03 Baik	01 Memuaskan
Huraian	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bahasa - baik dan lancar ○ Ayat - gramatis ○ Ejaan tanda baca betul 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bahasa - masih baik dan lancar ○ Ayat - masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bahasa - tidak cekap ○ Ayat - tidak gramatis ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Cadangan Jawapan Bahagian D (Novel)

Jawapan mestilah berdasarkan novel Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3.

Pelajar mesti memberi satu contoh peristiwa mengikut pengajaran bagi setiap novel yang telah ditetapkan:

1. Sukar Membawa Tuah (Tingkatan 1)

Contohnya,

- i) Adit berulang-alik ke sekolah di bandar dengan menaiki lori selama 4 jam
- ii) Adit terpaksa belajar bersama-sama murid-murid tahun satu walaupun usianya 10 tahun
- ii) Adit terlibat dalam kemalangan dan dirawat di hospital selama 2 bulan, kakinya tempang

2. Novel Wira Persona Avatari (Tingkatan 2)

Contohnya,

- i) Aina tabah menghadapi latihan silat yang lasak bersama-sama Cikgu Nisah
- ii) Walaupun terpaksa menghadapi pasukan dari seluruh dunia namun Pasukan Zamrud 2 tabah menghadapi cabaran tersebut

3. Novel Merenang Gelora (Tingkatan 3)

Contohnya,

- i) Badri disimbah air di dalam tandas
- ii) Badri difitnah membawa telefon ke sekolah
- iii) Ah Meng difitnah mencuri telefon bimbit di kedai bapa Meng Kong

Calon boleh mengemukakan contoh-contoh peristiwa lain yang difikirkan sesuai dengan teks novel yang dikaji

TAMAT

[Lihat halaman sebelah
SULIT